

16 JUN 2003

MAHATHIR-MINYAK/I

DR MAHATHIR GESA SEBUT HARGA MINYAK DALAM DOLAR DISEMAK SEMULA

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa supaya sebut harga minyak dalam dolar Amerika disemak semula berikutan kejatuhan mata wang itu di kebelakangan ini, khususnya terhadap euro.

"Adalah adil untuk pengeluar minyak dilindungi daripada ketidak pastian pasaran mata wang, khususnya pendedahan kepada tindakan manipulasi oleh pedagang bajingan mata wang," katanya.

Beliau berkata oleh kerana harga minyak disebut dalam dolar Amerika, negara pengeluar sebenarnya mendapat harga yang lebih rendah daripada sebut harga.

"Ia amat dirasai banyak negara yang terpaksa mengimport (barangan) dari Eropah dan Jepun," katanya dalam ucapan di majlis pembukaan Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia Kelapan, di sini. Ucapan Dr Mahathir dibacakan oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Mungkin lebih baik sekiranya pembayaran untuk penjualan minyak oleh negara pengeluar dibuat dengan euro pada nilai yang bersamaan dengan dolar Amerika agar peningkatan euro dapat memberi manfaat kepada pengeluar.

"Sekiranya euro merosot terhadap dolar Amerika pula, pembayaran harus dibuat dalam dolar Amerika," kata Dr Mahathir yang menganggap mekanisme anjal ini sebagai satu bentuk mekanisme lindung nilai.

Beliau menjelaskan: "Aktiviti lindung nilai tidak salah, hanya manipulasi mata wang untuk menyusut atau menilai semula mata wang yang merbahaya, dan kita menentanginya."

Beliau turut mengulangi kecaman terhadap dana lindung nilai atau "hedge funds" yang memanipulasi perdagangan mata wang. "Kita rugi berbilion dolar kerana hedge funds ini," katanya

Tetapi, perubahan nilai yang bukan akibat manipulasi tetapi kerana sebab-sebab yang sebenar dan tidak boleh dielak patut dibuat perlindungan terhadapnya, kata Dr Mahathir.

"Saya gembira, akhirnya yang kaya sedar dengan kerosakkan yang disebabkan oleh pedagang mata wang dan hedge funds," tambahnya. Dr Mahathir berkata dana lindung nilai ini telah dibenar memusnahkan ekonomi di dunia, menggugat kestabilan negara dan memiskinkan berjuta-juta manusia.

"Kini, yang kaya juga diserang. Penyusutan dolar Amerika, sebahagiannya sekurang-kurangnya, disebabkan oleh manipulasi pedagang mata wang," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia, sejak lima tahun lepas, telah menyuarakan tentangan terhadap mereka yang dipanggil pelopor pasaran bebas yang berpendirian "kerajaan mesti didisiplinkan oleh pasaran."

Selepas pasaran cuba untuk mendisiplinkan negara yang menanggung defisit yang besar, hanya sekarang keperluan untuk mengawal selia perdagangan mata wang lebih dihargai, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan harus sekali lagi dapat mengawal mata wang mereka dan menstabilkannya, dan ia akan menjadikan perdagangan dunia kurang berisiko dan tumbuh lebih pesat.

Sementara itu, dalam sidang media selepas majlis itu, Abdullah berkata Malaysia menyeru supaya semakan dibuat dalam sebut harga minyak yang kini dibuat dalam dolar Amerika agar negara pengeluar minyak di Asia mendapat manfaat daripada penetapan harga komoditi itu yang lebih baik.

Mekanisma ini bergantung kepada prestasi mata wang yang digunakan untuk sebut harga minyak terhadap dolar Amerika.

Beliau mengambil contoh sekiranya euro meningkat terhadap dolar Amerika, negara pengeluar minyak akan mendapat manfaat jika harga minyak di sebut dalam euro.

Begitu juga sekiranya dolar Amerika mengukuh terhadap euro, harga minyak akan disebut dalam dolar Amerika.

"Mekanisma ini akan memberikan keanjalan kepada syarikat minyak untuk memutuskan mana yang terbaik," kata Abdullah.

Ditanya samada kerajaan akan meminta Petroliam Nasional Bhd (Petronas) menggunakan euro dalam penetapan harga minyak yang dikeluarkan, beliau berkata syarikat minyak negara itu sedar tentangnya dan akan memutuskan apa yang terbaik. -- BERNAMA

MAS FAY MR SHY JR